



17 SEP, 2026

Mesyuarat khas teliti langkah segera atasi kenaikan bil elektrik

Berita Harian, Malaysia



Mesyuarat khas teliti langkah segera atasi kenaikan bil elektrik

Anwar dengar keluhan rakyat, mahu isu diberi perhatian dan ditangani

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Muhamaad Razis Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan mengadakan mesyuarat khas hari ini bagi meneliti langkah mitigasi segera untuk mengurangkan kesan peningkatan kadar bil elektrik terhadap isi rumah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata mesyuarat itu akan membabitkan wakil Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Suruhanjaya Tenaga (ST), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Kementerian Kewangan (MOF). Katanya, beliau mendengar keluhan yang disuarakan dan perkara itu perlu diberi perhatian serta ditangani segera.

"Sekembali dari (lawatan) India dan Maldives, perhatian saya terus tertumpu kepada keresahan rakyat terkait kenaikan bil elektrik sejak kebelakangan ini.

"Justeru, Kerajaan MADANI akan mengadakan mesyuarat khas esok (hari ini) bersama PETRA, ST, TNB dan MOF bagi meneliti langkah mitigasi segera untuk mengurangkan kesan kenaikan bil elektrik terhadap isi rumah yang terbabit," katanya dalam kenyataan media semalam.

Dalam pada itu, katanya, iktiar penyasaran subsidi terus dipertahankan bagi melindungi majoriti rakyat.

"(Bagaimanapun) sekitar 80 peratus pengguna domestik yang menggunakan elektrik tidak melebihi 600 kilowatt-jam (kWj) sebulan kekal dilindungi dan tidak terkesan dengan kenaikan kadar susulan peningkatan kos bahan api tahun ini," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata, keadaan jerebu serta cuaca yang lebih panas sejak kebelakangan ini mendorong peningkatan penggunaan elektrik dalam kalangan sebahagian isi rumah.

"Ini menyebabkan penggunaan bulanan mereka melepasi paras 600 kWj, sekali gus tertakluk kepada Pelarasan Kos Bahan Api



Anwar ketika sesi podcast di *Sembang Ohh Yeahh* di Kuala Lumpur, semalam. (Foto FB Anwar Ibrahim)

Secara Automatik (AFA).

"Kerajaan MADANI akan terus memastikan setiap langkah penyasaran subsidi dilaksanakan secara adil dan munasabah dengan kepentingan serta kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan," katanya.

Selesai isu Rohingya

Sementara itu, bercakap dalam podcast *Sembang OhhYeahh!*, di sini semalam, Anwar berkata, beliau mengundang Presiden Myanmar, Min Aung Hlaing ke Malaysia sebagai langkah memperkukuh rundingan dua hala, termasuk usaha menyelesaikan isu Rohingya yang berada di negara ini.

Katanya, keputusan itu dibuat selepas Malaysia mengambil pendekatan berunding secara langsung dengan kerajaan Myanmar bagi mencari penyelesaian terhadap isu berkenaan.

"Jadi, dua minggu lalu saya beritahu kepada Kementerian Dalam Negeri dan Jemaah Menteri, saya akan undang Presiden Myanmar melawat Malaysia secara rasmi.

"Saya undang sebab nak bagi tahu kita boleh bersahabat, kita boleh berdagang, kita boleh terima Myanmar, tapi Myanmar mesti terima (kembali pelarian Rohingya).

"Kalau tak boleh secara sekali gus, ambil secara berperingkat dan kita akan bantu menyelesaikan. Ini cara saya untuk menyelesaikannya, bukan setengah orang politik, guna kecaman. Nak ke mana?

"Rakyat macam saya faham, (se-

bab) dia susah, dia nak dapat kerja susah. Orang Rohingya itu kadang kasar di luar, dia marah. Tapi kita sebagai pemimpin marah pun buat apa?" katanya.

Anwar berkata, proses penghantaran pulang itu turut mengambil kira aspek keselamatan dan kebajikan mereka, termasuk mendapatkan jaminan supaya mereka tidak berdepan ancaman selepas kembali ke Myanmar.

"Lebih baik kita bayar sedikit daripada perlu menanggung beban dengan bagi makan ratusan ribu orang di depoh. Orang cadang tangkap, baik lepas tangkap kita nak letak ke mana?

"Letak di depoh, lepas itu siapa yang akan bagi makan? Kita yang bagi makan antara RM25 hingga RM50 sehari, kalau 2,000 orang? Jadi, kita tidak boleh tanggung," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata, meskipun pelarian itu dihantar balik, mereka akan diberi jaminan keselamatan supaya tidak dilakukan serangan atau sebarang perkara tidak diingini.

"Kalau dia bawa (hantar) balik dan (di) bunuh macam dulu, tak boleh juga. Jadi kita runding, kita bukan runding untuk hantar mereka balik sahaja.

"Kita minta jaminan keselamatan, bagi kawasan selamat, bagi kawasan orang Islam supaya tidak diganggu. Itu yang kita lakukan.

"Dalam pertemuan sebelum ini dengan pemimpin Myanmar saya memang ada katakan, saya nak awak jamin orang ini jangan dibunuh dan diusir, (ia) masalah bagi negara saya," katanya.